

12/02/2003

Persiapan KLWFF berjalan lancar

Hanizam Abdullah

DI tengah kritikan dan rasa sangsi mengenai kemampuan menganjurkan sebuah

festival filem dalam masa yang begitu singkat, Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (Finas) sekurang-kurangnya boleh menarik nafas lega kerana setakat ini 32 filem sudah sah menyertai Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur (KLWFF) 2003 yang akan bermula hujung minggu ini.

Walaupun tanpa kehadiran bintang mega antarabangsa dan ia cuma diisi dengan 96 tayangan filem dalam tempoh dua hari, majlis perasmian oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka pada 16

Februari dan majlis anugerah pada 18 Februari, ia boleh dianggap sebagai satu detik permulaan ke arah menganjurkan satu festival filem bertaraf antarabangsa.

Ketua Pengarah Finas, Datuk Shariff Ahmad, dalam satu sesi taklimat dan

perbincangan dengan media berkata, sebagai penyelaras acara yang diadakan

sempena Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) pada 20-25 Februari ini, pihaknya amat berpuas hati dengan komitmen dan dedikasi yang ditunjukkan oleh semua pihak terbabit.

"Saya boleh mengatakan bahawa projek ini berjalan dengan lancar walaupun

pada mulanya ada yang mengatakan bahawa saya patut gembira kalau ada dua filem saja menyertai festival ini. Tetapi sehingga hari ini (Sabtu lalu),

sebanyak 32 filem sudah mengesahkan penyertaan," katanya yang cuma diberi

tidak lebih daripada enam minggu untuk menyelaraskan festival ini.

Beliau juga terharu kerana acara yang buat pertama kali akan menyaksikan

96 tayangan dalam masa dua hari saja di dua lokasi iaitu Tanjong Golden Village (TGV) di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Golden Screen Cinemas

(GSC) di Mid-Valley Megamall juga mendapat maklum balas yang baik daripada

luar negara.

"Kita menerima kata-kata perangsang serta ucapan tahniah daripada pihak

kedutaan asing dan juga pihak kedutaan kita sendiri serta syarikat perfileman asing. Ini menunjukkan mereka menghargai festival ini,"

katanya.

Dengan bertemakan Keamanan, Harmoni, Tanpa Diskriminasi dan Tanpa Keganasan, beliau juga berharap agar ia menjadi perintis kepada sebuah festival filem bertaraf antarabangsa seperti yang diadakan di Cannes, Perancis.

"Kita berharap festival seperti ini akan diinstitusikan dan menjadi acara tahunan atau dua tahun sekali misalnya. Acara seperti ini juga sewajarnya mewujudkan spin off kepada acara lain seperti membantu

pertumbuhan sektor pelancongan.

"Selain itu, besarlah harapan kita agar karyawan filem tempatan akan memanfaatkan acara yang julung kali diadakan ini. Kita gembira kerana setakat ini kita mendapat maklum balas yang positif daripada mereka.

"Tetapi yang lebih penting kita mahu membuktikan bahawa filem dapat dijadikan satu medium untuk mempromosikan keamanan. Kita juga mahu membuka

mata dunia bahawa kita adalah sebuah masyarakat yang bersikap terbuka dan

sentiasa mahukan keamanan dan menolak sama sekali sebarang bentuk keganasan dan diskriminasi," katanya.

Di samping itu, beliau juga mengajak seluruh masyarakat tempatan terutama remaja agar memanfaatkan acara ini dengan mengunjungi kedua-dua pawagam yang menayangkan filem berkenaan.

"Kita khuatir kerana secara umumnya remaja lebih tertarik dengan filem yang ganas. Kata mereka, sebuah filem yang hebat mesti mengandungi adegan

bunuh-membunuh, darah dan keganasan. Bagaimanapun, kita mahu membuktikan bahawa filem bertemakan keamanan tidak kurang hebatnya.

"Mesej yang ingin kita sampaikan kepada mereka ialah filem juga mempunyai spektrum yang luas dan satu cara yang sangat strategik dalam usaha mempromosikan konsep keamanan dan hidup tanpa persengketaan," katanya.

Justeru itu, Finas sudah menghubungi lebih 40 institusi pengajian tinggi

dan sekolah menengah agar turut menyertai festival yang turut menyediakan

tujuh anugerah iaitu tiga anugerah untuk filem terbaik mengikut kategori iaitu Filem Terbaik Kemanusiaan, Filem Terbaik Tanpa Keganasan dan Filem Terbaik Tanpa Diskriminasi. Empat lagi anugerah ialah Anugerah Khas Juri.

Antara negara yang akan mengambil bahagian ialah Australia, China, Perancis, Finland, Itali, New Zealand, Switzerland, Thailand, Vietnam, Morocco, Uzbekistan, Bosnia Herzegovina, Britain, Jerman, Iran, Sri Lanka,

Mexico, Namibia, Emiriah Arab Bersatu dan Columbia.

Sementara itu, antara judul filem yang akan ditayangkan ialah, Comrade Bojkenzheav (Uzbekistan), 10 Minuta (Bosnia Herzegovina), Bend It Like Beckham (Britain), Nowhere In Africa (Jerman), Under The Moonlight (Iran),

Little Angel dan Fire And Water (Sri Lanka), In Case I Won't See You Again

(Mexico), Sophia's Homecoming (Namibia) dan Muhammad The Last Prophet (Emiriah Arab Bersatu).

Filem lain ialah Home of The Ranch (Australia), Grand Illusion (Perancis), Seven Songs From The Tundra (Finland), The Profesion of Arms (Itali), The Price of Milk (New Zealand), Leo Sonny Boy (Switzerland), Mekong Full Moon Party (Thailand) dan Thirst (Morocco).

Selaku tuan rumah, Malaysia menyertakan filem Sayang Salmah arahan Dr Mahadi J Murat yang dibintangi Fauziah Nawawi, Sidi Oza, Azhar Sulaiman dan Norish Karman.